

KHUTBAH JUMAAT

“PERJUANGAN DEMI NUSA TERCINTA” (9 Ogos 2024M/ 4 Safar 1446H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan menunaikan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita peroleh kejayaan, kebahagiaan dan keselamatan di dunia dan di akhirat.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat seperti berbual-bual dan menggunakan telefon. Oleh itu, bersempena dengan Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2024 yang telah diadakan pada minggu lepas, marilah kita bersama-sama mendengar dan menghayati khutbah yang bertajuk : “ **Perjuangan Demi Nusa Tercinta**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Nikmat yang kita terima di dunia ini amatlah banyak. Jika hendak

dihitung satu persatu, maka tidaklah kita mampu untuk mengiranya. Oleh sebab itu, kita hendaklah sentiasa mensyukuri segala nikmat tersebut dengan sentiasa melaksanakan ketaatan terhadap setiap perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasul-Nya.

Antara nikmat terbesar yang kita miliki ketika ini ialah nikmat iman dan Islam. Sudah tentunya dengan nikmat ini, kita dapat menjalani kehidupan dengan berpandukan kepada petunjuk al-Quran dan bimbingan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* serta tunjuk ajar para ulama yang telah mewariskan ilmu dari satu generasi ke generasi yang lain.

Nikmat-nikmat ini juga diberi kepada kita juga sebagai ujian untuk melihat sama ada kita bersyukur kepada Allah *subhanahu wata'ala* atau kufur dengan-Nya. Hal ini sepertimana ungkapan Nabi Allah Sulaiman *alaihis salam* yang dirakamkan melalui firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah an-Naml, ayat 40:

... فَلَمَّا رَأَاهُ مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِنْ فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي أَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ ۚ وَمَنْ شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ۗ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّي غَنِيٌّ كَرِيمٌ

Maksudnya: ... Setelah (Nabi) Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisnya, dia pun berkata, "Ini termasuk kurniaan Tuhanku untuk mengujiku sama ada aku bersyukur atau mengingkari (nikmat-Nya). Dan sesiapa yang bersyukur, maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri dan sesiapa yang tidak bersyukur (maka tidak menjadi hal bagi Allah) kerana sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Pemurah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Selain itu, kita tidak dapat menafikan bahawa rasa aman, tenteram dan harmoni di negara ini merupakan salah satu nikmat yang sangat besar. Pastinya, nikmat yang kita kecapi ini merupakan salah satu daripada usaha generasi terdahulu terutamanya dari kalangan perajurit negara yang telah berkorban jiwa dan raga mereka mempertahankan kedaulatan tanah air ini. Mereka telah menunjukkan keberanian yang jitu dalam menghadapi musuh. Mereka juga mengajar kita tentang sabar dan tekun dalam mencapai matlamat negara yang bebas merdeka. Dengan kecekalan dan kesungguhan mereka itu juga, ia membuahkan hasil yang sangat indah sepertimana yang dapat kita rasai pada hari ini.

Maka, salah satu sikap murni kita terhadap pejuang dan pahlawan negara ini ialah dengan berterima kasih dan menghargai segala jerih-perih yang telah mereka curahkan. Selayaknya juga kita turut mendoakan kebaikan dan kesejahteraan buat para pahlawan negara ini lebih-lebih lagi yang gugur di medan peperangan. Imam Abu Daud *rahimahullah* meriwayatkan sebuah hadis daripada Abdullah bin Umar *radiallahu anhu*, bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَمَنْ صَنَعَ إِلَيْكُمْ مَعْرُوفًا فَكَافِئُوهُ فَإِنْ لَمْ تَجِدُوا مَا تُكَافِئُونَهُ فَادْعُوا لَهُ حَتَّى تَرَوْا أَنَّكُمْ قَدْ كَافَأْتُمُوهُ))

Maksudnya: *Sesiapa yang telah berbuat kebaikan kepadamu, maka balaslah kebajikannya itu. Jika engkau tidak mendapati*

sesuatu yang dapat membalas kebaikannya itu, maka berdoalah untuknya hingga engkau menganggap bahawa engkau benar-benar telah membalas kebaikannya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Dalam sejarah Islam sendiri, tercatat rapi bahawa Islam turut memiliki banyak tokoh yang terkenal dengan sifat kepahlawanannya. Antaranya ialah Saidina Hamzah *radiallahu anhu*, Saidina Khalid bin Al-Walid *radiallahu anhu*, Salahuddin al-Ayubi *rahimahullah* dan beberapa lagi tokoh lain. Manakala nama-nama seperti Imam Muhammad bin Idris al-Syafie *rahimahullah* dan Imam Abu Hamid al-Ghazali *rahimahullah* pula merupakan sebahagian pahlawan yang memelihara dan mempertahankan akidah, syariah dan akhlak Ahli Sunnah Wal Jamaah yang turut menjadi pedoman buat negara kita.

Negara kita juga memiliki barisan tokoh pahlawan yang telah berkorban mempertahankan negara seperti Sharif Massahor, Datu Patinggi Ali, Datu Patinggi Abdul Ghapor, Roslie Dhobi, Leftenan Adnan Saidi, Tuan Guru Haji Abdul Rahman Limbong, Tok Janggut, Mat Kilau, Dato' Maharaja Lela dan seluruh barisan hadapan keselamatan yang terdiri daripada tentera, polis dan sebagainya.

Para pahlawan negara ini telah melaksanakan salah satu daripada fardu kifayah dan melaksanakan Maqasid Syariah iaitu mempertahankan nyawa, agama, harta, akal, dan keturunan. Mereka berkorban demi nusa tercinta dan kedaulatan agama dan bangsa. Tidak semua orang mampu untuk melakukan sepertimana

mereka telah buktikan. Terlalu banyak pengajaran dari perjuangan para pahlawan ini yang kita boleh garap untuk kebaikan bersama. Dengan usaha para pahlawan negara itu jugalah, kita dapat mendaulatkan Islam di negara tercinta dan kita bebas melaksanakan ajaran Islam di bumi bertuah ini. Maka amat wajarlah untuk kita terus mengenang dan menghargai pengorbanan yang telah mereka lakukan ini.

Signifikannya juga sambutan Hari Pahlawan kepada kita ialah supaya generasi ke generasi akan sentiasa memandang tinggi nikmat keamanan ini dan seterusnya memelihara dan mempertahankan keamanan yang kita miliki. Oleh sebab itu, menjaga perpaduan dan keharmonian, saling menghormati dan berbaik sangka dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum, agama dan kepercayaan adalah amat penting bagi mengekalkan ciri-ciri keamanan, kestabilan dan kemajuan di dalam negeri dan negara yang merdeka.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, khatib ingin mengajak umat Islam sekalian untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang terus menjadi mangsa kekejaman rejim zionis Israel. Sehingga ke hari ini, mereka masih lagi diserang dan dibunuh tanpa belas kasihan. Kita juga turut berduka dengan berita kematian Ismail Haniyeh yang dibunuh oleh rejim zionis Israel. Beliau merupakan antara pemimpin Hamas yang sangat kental dan teguh jiwanya memperjuangkan nasib umat Islam di Palestin. Semoga segala jasanya dicatat

sebagai amal soleh dan ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman.

Sehubungan dengan itu, **Majlis Islam Sarawak** ingin menzahirkan rasa dukacita atas penderitaan rakyat Palestin yang terlibat dengan peperangan di Negara Palestin. Justeru, bagi membantu rawatan perubatan kepada rakyat Palestin, **Majlis Islam Sarawak** menyeru seluruh umat Islam di Sarawak untuk bersama-sama memberikan sumbangan tersebut melalui kutipan Sadaq Jumaat di Masjid dan Surau Berjumaat seluruh Sarawak pada **9 Ogos 2024 (Jumaat) dan 16 Ogos 2024 (Jumaat)**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati beberapa pengajaran penting daripada khutbah yang disampaikan, antaranya:

Pertama: Terlalu banyak nikmat dari Allah *subhanahu wata'ala* yang perlu kita syukuri dan jasa baik orang lain yang perlu kita hargai.

Kedua: Kita hendaklah mengamalkan sikap saling menghormati dan berbaik sangka bagi menjaga keamanan, keharmonian dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat.

Ketiga: Para pahlawan negara telah melaksanakan fardhu kifayah yang sangat besar dan ia menepati kehendak Maqasid Syariah yang bertujuan memelihara nyawa, agama, harta, akal dan keturunan.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Aali Imran, ayat 146:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَكَايِنَ مِّنْ نَّبِيٍّ قَاتَلَ مَعَهُ رَبِّيُونَ كَثِيرٌ فَمَا وَهَنُوا لِمَا أَصَابَهُمْ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ وَمَا ضَعُفُوا وَمَا أَسْتَكَانُوا ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ الصَّابِرِينَ (١٤٦)

Maksudnya : *Dan berapa ramai Nabi (terdahulu) yang berperang bersama-sama sejumlah besar orang yang taat kepada Allah, mereka tidak pernah berasa lemah semangat dengan ujian yang menimpa mereka di jalan (agama) Allah dan mereka juga tidak lemah lesu dan tidak (pula) menyerah (kepada musuh). Dan (ingatlah) Allah mengasihi orang yang sabar.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada kesempatan ini, khatib menyeru agar kita semua sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya terhadap impak cuaca yang mungkin melanda seperti cuaca kering, jerebu, kebakaran hutan dan penyusutan paras air empangan yang disebabkan oleh musim Monsun Barat Daya yang akan berterusan sehingga September 2024. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Khatib juga menyeru agar kita terus mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan yang diambil adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.